

02 JUL 1997

Ceroboh - Nama

NAMA PENCEROBOH TANAH KERAJAAN AKAN DISERAH KEPADA PM

KANGAR, 2 Julai (Bernama) -- Kerajaan Perlis akan menyerahkan senarai nama penceroboh hutan simpan kekal dan tanah milik kerajaan di negeri ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan negeri sedang mengenal pasti penceroboh terbabit untuk disenaraikan serta diambil tindakan.

Ketika ditanya sama ada Dr Mahathir memerlukan senarai nama berkenaan, Shahidan berkata ia sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan negeri untuk memaklumkan sesuatu yang difikirkan perlu kepada Perdana Menteri.

Katanya, ratusan penceroboh tanah kerajaan termasuk hutan simpan kekal kini menunggu masa untuk didakwa oleh agensi-agensi penguatkuasa di negeri ini.

Sebagai contoh, Jabatan Perhutanan telah bertindak ke atas penceroboh kawasan hutan simpan kekal di utara negeri ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Beliau menganggarkan lebih 700 hektar tanah kerajaan termasuk hutan simpan kekal di negeri ini telah dicerobohi.

Beliau berkata, ada yang menganggap bahawa menceroboh tanah kerajaan sebagai perbuatan yang halal dengan alasan telah membayar sejumlah wang kepada pihak yang menerokai kawasan berkenaan.

Shahidan berkata, kerajaan tidak akan membenarkan mereka terus menduduki tanah kerajaan secara haram.

Dalam pada itu, Menteri Besar mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan memansuhkan Lembaga Penanam-penanam Padi Perlis yang fungsinya bertindih dengan beberapa agensi kerajaan yang lain.

Agensi itu yang diwujudkan lebih 20 tahun lalu bagi menjaga kepentingan masyarakat pesawah di negeri ini kini tidak lagi berfungsi dan pejabatnya telah ditutup.

Aset agensi itu akan dipindahkan kepada Tabung Hadiah Pelajaran Perlis, katanya. -- BERNAMA

AD FAZ